

FORMAT F
PERJANJIAN PERKHIDMATAN, KERJA DAN PEMBEKALAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

(PENYELENGGARAAN/PEMBEKALAN)

a. Bahagian Teknologi Maklumat.

- i. Perkhidmatan Penyelenggaraan / Penyewaan Mesin Fotostat Dan Walkie Talkie.

Perjanjian Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan
Antara Majlis Perbandaran Kajang
Dan KONTRAKTOR

FORMAT F

LAMPIRAN 1

**JABATAN UNDANG-UNDANG (JUU)
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERJANJIAN PERKHIDMATAN/ KERJA / PEMBEKALAN
ARAHAH : SILA PASTIKAN SENARAI SEMAK INI DILENGKAPKAN BERSERTA DOKUMEN

Nama Kontraktor : _____
Alamat Kontraktor : _____
No. Telefon : _____
Tajuk Kontrak : _____
Lokasi : _____
No. Fail Jabatan : _____

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :

- 1 Empat (4) salinan dokumen Perjanjian yang telah lengkap ditandatangani oleh Kontraktor
- 2 Salinan Surat Setuju Terima Sebut Harga atau Tender/ Surat Tawaran
- 3 Salinan Surat Akuan Penerimaan Tawaran
- 4 Salinan Pendua Resit Bayaran Fi Perjanjian
- 5 Salinan Borang Sebut Harga atau Tender/ Perakuan Sebut Harga atau Tender
- 6 Spesifikasi Perkhidmatan / Kerja / Pembekalan
- 7 Salinan Dokumen Atau Resit Bayaran Bon Pelaksanaan (Jika ada)
- 8 Salinan Insurans Tanggungan Awam
- 9 Salinan Pelan Lokasi (Jika berkaitan)
- 10 Salinan Kad Pengenalan Kontraktor (Individu / Pengarah Syarikat / Pemilik Perniagaan)
- 11 Jika Kontraktor berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 / Akta Syarikat 2016 :
 - Salinan Profil Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mengandungi maklumat syarikat, maklumat modal, maklumat pengarah dan pegawai, maklumat pemegang syer, maklumat gadaian dan pernyataan kewangan, atau
- 12 Jika Kontraktor Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 :
 - Salinan Diakui Sah Borang D/E berserta maklumat pemilik perniagaan
- 13 Apa-apa dokumen lain mengikut keperluan jadual dan lampiran dalam perjanjian (Sila nyatakan)
.....

Diisi Oleh Kontraktor	Semakan Jabatan	Diisi Oleh JUU
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNTUK KEGUNAAN JABATAN DALAMAN SAHAJA.

- 1) Pengesahan daripada Jabatan Dalaman bagi melengkapkan senarai dokumen.
Ulasan (Jika ada)

CAP JABATAN

UNTUK KEGUNAAN JABATAN UNDANG-UNDANG SAHAJA.

- 2) Pengesahan daripada Jabatan Undang-Undang (JUU) bagi penyempurnaan tandatangan Perjanjian.
- a) Dokumen Lengkap
 - b) Dokumen tidak lengkap

Disemak Oleh :

CAP JUU

Tandatangan & Cop

Tarikh : _____

PERJANJIANINI DIBUAT pada hari dan tahun sepetimana yang dinyatakan dalam **Perkara 1 Jadual Pertama** Perjanjian ini,

DI ANTARA

Pihak yang bernama dan beralamat sepetimana yang dinyatakan dalam **Perkara 2 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Majlis**") sebagai satu pihak dan pihak yang bernama dan beralamat sepetimana yang dinyatakan dalam **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Kontraktor**") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA:

- a. Majlis adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai bidang kuasa dan kebenaran untuk melantik mana-mana pihak sebagai kontraktor bagi melaksanakan perkhidmatan/ kerja/ pembekalan sepetimana dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut**") di Majlis Perbandaran Kajang.
- b. Kontraktor adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berpengalaman dalam bidang Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan sepetimana yang dikehendaki oleh Majlis dan merupakan kontraktor bebas.
- c. Majlis telah bersetuju meluluskan perlantikan Kontraktor untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut bagi tempoh sebagaimana dinyatakan dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini.
- d. Berdasarkan perkara-perkara di atas, melalui satu **Surat Setuju Terima** bertarikh sepetimana yang dinyatakan dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Surat Setuju Terima tersebut**"), Majlis telah melantik Kontraktor dan Kontraktor telah bersetuju menerima perlantikan untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut melalui **Surat Akuan Penerimaan** bertarikh sepetimana yang dinyatakan dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Setuju Terima tersebut (sesalinan dilampirkan sebagai **Lampiran A**) dan juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, termasuk juga apa-apa peruntukan dan peraturan mana-mana undang-undang dan undang-undang kecil yang digubal dan akan digubal kelak.

SEBAGAI BALASAN kepada wang yang akan dibayar oleh Majlis kepada Kontraktor dengan jumlah yang dinyatakan dalam **Perkara 7 Jadual Pertama** dan **Lampiran B** Perjanjian ini (selepas ini disebut "Harga Kontrak") **BAHAWASANYA PIHAK-PIHAK DI SINI TELAH BERSETUJU SEPERTI BERIKUT:-**

DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:-

1.0 TAKRIF

Dalam syarat-syarat Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, istilah-istilah di bawah akan membawa erti sedemikian:

Bon Pelaksanaan	ertiya bon pelaksanaan yang kena didepositkan oleh Kontraktor kepada Majlis, sebagaimana ditetapkan dan ditentukan dalam Klausa 5.1 Perjanjian ini ;
Caj Salinan (jika berkenaan)	ertiya jumlah atau kadar kegunaan Peralatan pada bulan tersebut berdasarkan " <i>Meter Reading</i> " dan didarabkan dengan kadar yang dinyatakan dalam Lampiran B Perjanjian ini;
Kontraktor	termasuklah pemilik tunggal, pekongsi, pengarah, was-wasi, pentadbir-pentabir, penganti-pengganti dan penerima-penerima pindahmilik syarikat atau orang berkenaan;
Lampiran/ Jadual	ertiya mana-mana lampiran/ jadual yang disifatkan sebahagian daripada Perjanjian ini;
Majlis	ertiya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang atau mana-mana pegawai atau kakitangan yang diberikuasa secara bertulis untuk mentadbir dan menyelia Perjanjian ini bagi pihak Majlis Perbandaran Kajang;
Nasional	ertiya Kerajaan Malaysia dan/atau Kerajaan Negeri dan/atau Majlis;
Pegawai Diberi Kuasa	ertiya mana-mana Pegawai yang dilantik oleh Majlis dan diberikuasa oleh Yang Dipertua Majlis untuk menyelia Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut;
Pegawai Penyelia	ertiya Pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua Majlis mengenai hal ehwal berkaitan kerja-kerja kontrak;

Peralatan	ertinya peralatan seperti dinyatakan dalam Perkara 8 Jadual Pertama dan Lampiran B Perjanjian ini;
Pihak	ertinya merujuk kepada Majlis atau Kontraktor mana-mana yang berkenaan; dan
Pihak-Pihak	ertinya merujuk secara kolektif kepada Majlis dan Kontraktor;
Waktu Perniagaan Biasa	ertinya pada hari bekerja Majlis dan Kontraktor iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat, bermula pada pukul 8.30 pagi sehingga tamat waktu pejabat pada pukul 5.30 petang.

2.0 DESKRIPSI PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

Kontraktor hendaklah melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut berdasarkan Spesifikasi Dan Skop yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini dan dirujuk dalam **Lampiran B** Perjanjian ini dengan sempurna, teratur dan memenuhi Spesifikasi Dan Skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.

3.0 TEMPOH PERJANJIAN

- 3.1 Majlis dengan ini berwaad dan bersetuju untuk melantik Kontraktor bagi melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut untuk tempoh sepertimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.
- 3.2 Tempoh Lanjutan (jika berkenaan) sepertimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini hendaklah dipohon secara bertulis oleh Kontraktor sebelum tamatnya tempoh sah Perjanjian ini dan Majlis boleh pada peringkat ini, sama ada menerima, enggan atau menolak permohonan perlanjutan tersebut tanpa sebarang alasan.
- 3.3 Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju, maka Perjanjian ini bolehlah dilanjutkan mengikut Tempoh Lanjutan tersebut dan Majlis berhak untuk mengekalkan, meminda, menambah atau memotong apa-apa terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini bagi Tempoh Lanjutan tersebut.

4.0 PEMBAYARAN

- 4.1 Harga Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut

merangkumi Kadar Sewaan bagi Peralatan tersebut sebagaimana dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 7 Jadual Pertama** Perjanjian ini dan Caj Salinan (jika berkenaan) sebagaimana dinyatakan secara khusus dalam **Lampiran B** Perjanjian ini.

- 4.2 Majlis dengan ini bersetuju dan mengakujanji untuk membuat bayaran Harga Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut kepada Kontraktor secara bulanan pada masa dan kaedah yang telah ditetapkan menurut Perjanjian ini dan **Perkara 7 Jadual Pertama** Perjanjian ini dengan merujuk perincian di **Lampiran B** Perjanjian ini serta tertakluk kepada Majlis dan/atau wakilnya berpuas hati bahawa Kontraktor telah melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dengan sempurna.
- 4.3 Tertakluk kepada perenggan di atas, Kontraktor hendaklah menyediakan, menyiapkan dan melengkapkan tuntutan bayaran Harga Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dalam bentuk atau format yang ditetapkan oleh Majlis dan tuntutan bayaran Harga Kontrak tersebut hendaklah sampai dan diterima oleh Majlis selewat-lewatnya setiap sebelum atau pada hari ke **EMPAT BELAS (14)** bulan berikutnya.
- 4.4 Kegagalan Kontraktor untuk mematuhi **Klausula 4.3** di atas mengakibatkan Majlis berhak mengenakan denda lewat kepada Kontraktor mengikut kadar yang akan ditentukan oleh Majlis. Denda lewat akan dikira selepas tarikh akhir tuntutan bayaran Harga Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut yang sepatutnya dikemukakan oleh Kontraktor kepada Majlis sehingga tuntutan bayaran Harga Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut diterima oleh Majlis sebagaimana dikehendaki dalam **Klausula 4.2** dan **Klausula 4.3** di atas. Majlis juga berhak untuk melewatkannya atau kepada satu tarikh lain menurut budibicara Majlis tanpa bertanggungan terhadap apa-apa faedah tuntutan atau kerugian atas apa-apa sebab sekalipun.
- 4.5 Kadar Sewaan yang dinyatakan di dalam **Klausula 4.1** di atas adalah tetap dan apa-apa permohonan bagi tujuan kenaikan kadar oleh Kontraktor tidak akan dibenarkan melainkan dengan persetujuan bertulis daripada Majlis.

5.0 BON PELAKSANAAN (JIKA BERKENAAN)

- 5.1 Kontraktor mengakujanji dan bersetuju untuk mendepositkan wang cagaran berjumlah sebagaimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 9 Jadual Pertama** Perjanjian ini sebagai Bon Pelaksanaan sebelum termeterainya Perjanjian ini (resit penerimaan diperakui diterima oleh Majlis). Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dalam bentuk Deraf

Bank atau tunai atau apa-apa bentuk yang ditetapkan oleh Majlis dan hendaklah sah bermula dari tarikh mula Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sehingga Tempoh Memperbaiki Kecacatan bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut tamat.

- 5.2 Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dituntut oleh Kontraktor dalam masa **dua belas (12) bulan** selepas tamat Tempoh Memperbaiki Kecacatan bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan sekiranya Kontraktor tidak membuat tuntutan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka Bon Pelaksanaan tersebut akan dijadikan hasil Majlis dan dikira hangus atau lopus dan tidak perlu dikembalikan semula oleh Majlis kepada Kontraktor dalam apa juga keadaan pun.
- 5.3 Majlis berhak untuk memotong keseluruhan atau apa-apa amauan daripada Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Kontraktor menurut **Klausula 5.1** di atas sekiranya Kontraktor gagal, enggan dan/atau cuai mematuhi apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini.
- 5.4 Tertakluk kepada **Klausula 5.3** di atas, Kontraktor hendaklah mendepositkan semula keseluruhan atau baki Bon Pelaksanaan yang telah dipotong oleh Majlis sebagaimana jumlah yang dikehendaki di dalam **Klausula 5.1** di atas.

6.0 PENGHANTARAN DAN PEMASANGAN PERALATAN

- 6.1 Kontraktor hendaklah menentukan tarikh dan masa Peralatan tersebut akan dihantar ke Tempat Pemasangan pada atau sebelum tarikh sebenar penghantaran perlu dibuat. Kontraktor juga hendaklah menanggung segala kos pemasangan dan penghantaran Peralatan tersebut hingga boleh digunakan dan beroperasi dengan baik.
- 6.2 Peralatan tersebut hendaklah sedia untuk digunakan oleh Majlis bermula dari tarikh seperti mana yang dinyatakan dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini.
- 6.3 Kontraktor hendaklah menggantikan Peralatan tersebut dengan model yang bersesuaian dan dipersetujui oleh Majlis sekiranya dalam tempoh Perjanjian ini Peralatan tersebut tidak lagi sesuai untuk digunakan.

7.0 TEMPAT PEMASANGAN

- 7.1 Peralatan tersebut akan ditempatkan di lokasi yang dinyatakan secara terperinci dalam **Perkara 10 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**Tempat Pemasangan**”).

- 7.2 Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor jika berlakunya sebarang perubahan Tempat Pemasangan. Kontraktor hendaklah menanggung segala kos penghantaran dan pemasangan Peralatan tersebut sekiranya berlaku sebarang perubahan Tempat Pemasangan.
- 7.3 Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada pegawai diberikuasa atau Pegawai Penyelia lebih awal sebelum membuat penghantaran dan pemasangan Barang/ Peralatan tersebut di Tempat Pemasangan.
- 7.4 Sekiranya tarikh dan waktu yang ditetapkan untuk penghantaran dan pemasangan Peralatan tersebut tidak sesuai, pegawai diberikuasa atau Pegawai Penyelia hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor lebih awal dan Kontraktor apabila menerima makluman tersebut hendaklah berbincang dengan pegawai diberikuasa atau Pegawai Penyelia dan menetapkan tarikh yang sesuai bagi penghantaran dan pemasangan Peralatan tersebut.

8.0 PENYEDIAAN TEMPAT PEMASANGAN

- 8.1 Kontraktor akan memaklumkan kepada Majlis dua (2) hari sebelum Peralatan tersebut dihantar dan segala kos penyediaan Tempat Pemasangan akan ditanggung oleh Majlis.
- 8.2 Sekiranya tarikh yang ditetapkan untuk penghantaran dan pemasangan Peralatan tersebut tidak sesuai, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor lebih awal dan Kontraktor apabila menerima makluman tersebut hendaklah berbincang dengan Majlis dan menetapkan tarikh yang sesuai bagi penghantaran dan pemasangan Peralatan tersebut.

9.0 PEMERIKSAAN PERALATAN

Majlis hendaklah memeriksa Peralatan tersebut semasa penghantaran dan pemasangan Peralatan tersebut dibuat kepadanya. Majlis adalah dianggap telah memeriksa Peralatan tersebut dan berpuas hati dengan keadaan Peralatan tersebut apabila Kontraktor tidak menerima apa-apa notis bertulis daripada Majlis tentang ketidakpuasan hatinya terhadap Peralatan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemasangan Peralatan tersebut, kecuali apa-apa kecacatan yang tidak dapat dikesan oleh Majlis dalam pemeriksaan yang patut.

10.0 PENERIMAAN PERALATAN

- 10.1 Walaupun Peralatan tersebut telah diterima, Majlis adalah sentiasa berhak menolak Peralatan tersebut jika tidak menepati spesifikasi atau syarat-syarat yang ditentukan di dalam Perjanjian ini.

- 10.2 Sekiranya dalam Tempoh Perjanjian atau Tempoh Lanjutan, peralatan tersebut didapati rosak sehingga menyebabkan Majlis tidak dapat menggunakan Peralatan tersebut untuk tujuan ia disewa, Kontraktor hendaklah, setelah notis bertulis diberi, menyelenggara dan membaiki Peralatan tersebut tanpa sebarang kos kepada Majlis mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- 10.3 Sekiranya Kontraktor tidak mengambil tindakan dalam tempoh masa seperti yang dinyatakan dalam **Klausa 10.2** di atas atau tidak mampu untuk membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan, Majlis boleh :
 - (a) Menolak Peralatan tersebut dan Kontraktor dikehendaki menggantikannya dengan peralatan baru yang sama spesifikasi dan kapasitinya tanpa apa-apa bayaran tambahan dan Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa untuk baki tempoh penyewaan; atau
 - (b) Menolak Peralatan tersebut dan menamatkan Perjanjian ini di bawah **Klausa 17** Perjanjian ini.
- 10.4 Dalam keadaan di mana berlaku kerosakan ke atas Peralatan tersebut yang tidak boleh diperbaiki di Tempat Pemasangan, maka Kontraktor bolehlah, tertakluk kepada kebenaran bertulis Majlis terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan tersebut di suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini, Kontraktor hendaklah memastikan suatu peralatan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada Majlis sebagai gantian, sementara kerja penyelenggaraan dan pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang kos tambahan kepada Majlis.
- 10.5 Jika kontraktor masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Peralatan tersebut atau jika telah diperbaiki telah gagal untuk mengembalikan Peralatan tersebut dalam tempoh satu (1) bulan dikira dari tarikh kerosakan Peralatan tersebut berlaku, maka adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk menggantikan Peralatan tersebut dengan peralatan baru.

11.0 REPRESENTASI DAN WARANTI

Kontraktor dengan ini membuat representasi dan waranti kepada Majlis bahawa :

- 11.1 Kontraktor mengesahkan dan memperakui bahawa, Majlis telah memeterai Perjanjian ini dengan Kontraktor, dengan bergantung kepada representasi dan waranti yang dinyatakan di atas. **Salinan Profil Syarikat**

ATAU salinan diakui sah Borang D/ E berserta maklumat pemilik/ perniagaan seperti di Lampiran D Perjanjian ini.

- 11.2 Kontraktor mempunyai kuasa dan kemampuan untuk menandatangani Perjanjian ini dan melaksanakan terma yang terkandung di dalamnya;
- 11.3 Kontraktor telah mengambil langkah yang sah dan sempurna untuk memasuki serta melaksanakan obligasinya di dalam Perjanjian ini;
- 11.4 Tiada tindakan undang-undang sama ada sivil atau jenayah, timbang tara, tuntutan cukai, pertelingkahan atau apa-apa prosiding pada ketika ini atau yang tertangguh atau di dalam pengetahuan, atau kemungkinan terdapat, yang mana begitu material dan akan secara langsung mempengaruhi kemampuan kewangan Kontraktor atau lain-lain obligasi di bawah Perjanjian ini;
- 11.5 Segala kebenaran, sijil, lesen, pendaftaran dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perniagaan Kontraktor telah diperolehi dan disempurnakan dengan sewajarnya dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran, sijil, pendaftaran atau lesen Kontraktor ditarik balik; dan
- 11.6 Kontraktor mempunyai kemampuan kewangan dan teknikal untuk menjayakan dan melaksanakan obligasinya menurut Perjanjian ini dan Kontraktor memperakui bahawasanya Majlis memasuki Perjanjian ini bersandarkan kepada representasi dan waranti yang disebutkan di atas.

12.0 HAK MAJLIS APABILA PERALATAN TERLEWAT DISERAHKAN

- 12.1 Sekiranya Kontraktor lewat menyerahkan Peralatan tersebut mengikut masa yang ditentukan menurut **Klausula 6.1** Perjanjian ini, Majlis berhak sama ada:
 - (a) Menolak Peralatan tersebut dan menamatkan Perjanjian ini; atau
 - (b) Membeli/ Menyewa daripada punca-punca lain sebagai ganti kepada Peralatan tersebut dan membatalkan pesanan Peralatan tersebut dan sekiranya kos memperolehi Peralatan tersebut daripada punca-punca lain melebihi harga dalam Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Majlis; atau
 - (c) Menerima Peralatan tersebut dan mengenakan suatu denda terhadap Kontraktor sebagaimana dinyatakan dalam **Klausula 13.4** Perjanjian ini.

13.0 SKOP PERKHIDMATAN / KERJA/ PEMBEKALAN

- 13.1 Setiap Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dan tugas yang dilaksanakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat secara teratur dan sempurna berdasarkan arahan yang diberikan oleh Majlis serta memenuhi spesifikasi, kecekapan dan tempoh masa yang telah ditetapkan.
- 13.2 Majlis berhak memeriksa dan meneliti tahap pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja /Pembekalan tersebut oleh Kontraktor, pada bila-bila masa yang difikirkan wajar.
- 13.3 Sekiranya didapati bahawa Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut telah gagal dilaksanakan dengan sempurna, teratur dan memuaskan seperti yang diarahkan oleh Majlis dan kehendak yang telah ditetapkan, Majlis adalah sentiasa berhak mengarahkan dan meminta Kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembetulan/ pemberian yang setimpal dengannya pada kadar yang segera.
- 13.4 Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan atau berlaku sebarang kelewatian, Majlis berhak untuk menganakn denda atau tolakan sepertimana yang dirujuk dalam **Perkara 11 Jadual Pertama** Perjanjian ini (jika berkenaan) atau mengikut formula yang ditetapkan sebagai gantirugi akibat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tidak siap bagi setiap hari kelewatian daripada jumlah wang yang kena dibayar oleh Majlis kepada Kontraktor.
- 13.5 Kontraktor boleh mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada Majlis dan Majlis boleh pada peringkat ini, sama ada menerima, enggan atau menolak permohonan lanjutan masa tersebut tanpa sebarang alasan dan sekiranya Majlis meluluskan permohonan lanjutan masa tersebut, gantirugi akibat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tidak siap menurut **Klausus 13.4** di atas boleh dikecualikan.

14.0 OBLIGASI MAJLIS

Majlis hendaklah sepanjang Tempoh Perjanjian atau Tempoh Lanjutan (jika ada):

- 14.1 Membuat bayaran kepada Kontraktor mengikut kadar bayaran ditetapkan sejajar dengan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sebagaimana ditetapkan atau sebarang bayaran yang difikirkan munasabah menurut peruntukan yang berkaitan dalam Perjanjian ini;
- 14.2 Membuat bayaran kepada Kontraktor mengikut tempoh, kaedah dan cara yang ditentukan dalam Perjanjian ini;
- 14.3 Mbenarkan Kontraktor dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh

Kontraktor, pada setiap masa yang sesuai dan setelah notis bertulis yang munasabah diberikan kepada Majlis, masuk ke dalam Tempat Pemasangan bagi maksud memeriksa keadaan Peralatan tersebut dan menjalankan khidmat penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian Peralatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya;

- 14.4 Menjaga dan memastikan bahawa Peralatan tersebut berada dalam kawalan Majlis sepanjang tempoh Perjanjian ini dan mengawal serta tidak mengalih Peralatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya dari Tempat Pemasangan tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kontraktor;
- 14.5 Tidak menyebabkan atau membenarkan Peralatan tersebut dipasang atau dilekatkan pada Tempat Pemasangan sebagai lekapan (*fixture*) atau sebahagian daripada Tempat Pemasangan;
- 14.6 Memastikan Peralatan tersebut bebas daripada sebarang pelaksanaan distress atau proses undang-undang lain;
- 14.7 Tidak menjual, menyerah hak, menyewa, menggadai janji, menyandar atau melepaskan milik Peralatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kontraktor;
- 14.8 Mengelak daripada membaiki, menyelenggara atau dengan apa-apa cara lain mengusik Peralatan tersebut atau menghapus plat nama Kontraktor pada Peralatan tersebut; dan
- 14.9 Tidak akan menanggung apa-apa kos kerugian yang dialami oleh Kontraktor ke atas kerosakan awam yang disebabkan oleh bencana alam seperti kebakaran, keruntuhan bangunan, banjir dan lain-lain sebab di luar kawalan.

15.0 OBLIGASI KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah sepanjang Tempoh Perjanjian atau Tempoh Lanjutan (jika ada):

- 15.1 Menghantar dan memasang Peralatan tersebut di Tempat Pemasangan dengan syarat Peralatan tersebut yang dihantar dan dipasang hendaklah baru dan dalam keadaan yang memuaskan dan mengikut spesifikasi yang ditentukan dalam Perjanjian ini;
- 15.2 Memastikan bahawa Peralatan tersebut berada dalam keadaan yang memuaskan dan untuk tujuan ini, Kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan sebagaimana yang dinyatakan di dalam

Lampiran B dan pembaikan yang mengikut aturan serta membekalkan alat-alat ganti tanpa kos untuk Majlis dengan syarat khidmat pembaikan atau pembekalan alat-alat ganti tersebut bukan disebabkan oleh kecuaian, kelalaian atau tindakan sengaja Majlis. Apa-apa perkhidmatan dijalankan oleh Kontraktor hendaklah dalam tempoh waktu perniagaan biasa dan jika perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan Majlis;

- 15.3 Memberi jaminan bahawa pelaksanaan khidmat penyelenggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti ke atas Peralatan tersebut akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran tenaga kerja;
- 15.4 Menghantar pekerja yang berkelayakan untuk memeriksa, menyelaras dan menyelenggara Peralatan tersebut;
- 15.5 Menggantirugi Majlis atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Peralatan tersebut yang berbangkit daripada kelalaian, kecuaian atau perbuatan sengaja oleh Kontraktor atau pekerjanya;
- 15.6 Mbenarkan Majlis yang telah dengan wajarnya membayar Kadar Sewaan dan melaksanakan serta mematuhi persetujuan dan syarat di pihaknya yang terkandung di dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menikmati secara aman dan tenteram Peralatan tersebut sepanjang Tempoh Perjanjian dan Tempoh Lanjutan Perjanjian ini tanpa gangguan atau kecacuan dari atau oleh Kontraktor atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi pihak Kontraktor;
- 15.7 Memastikan Peralatan tersebut berada di dalam keadaan baik dan untuk tujuan ini, Kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan sekurang-kurangnya sekali sebulan dalam Waktu Perniagaan Biasa atau seperempat tahun yang dipersetujui oleh pihak-pihak;
- 15.8 Bertindak kepada aduan kerosakan oleh Majlis di mana 'Response Time' oleh Kontraktor untuk memberi perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan pemberi sewaan alat ganti hendaklah **dalam tempoh 3 jam waktu bekerja dikira dari waktu panggilan**. Manakala pada hari cuti umum, Majlis hendaklah memaklumkan pada Kontraktor seminggu lebih awal sekiranya pada hari cuti umum tersebut Majlis perlu bekerja, supaya Kontraktor boleh bersedia jika terdapat sebarang panggilan servis. Sekiranya panggilan selepas waktu bekerja pada hari Jumaat atau cuti umum, Kontraktor hendaklah menghantar Juruteknik pada pagi hari Isnin minggu berikutnya atau hari bekerja berikutnya;
- 15.9 Menginsuranskan Peralatan tersebut daripada kehilangan atau kerosakan

akibat kemalangan, kebakaran dan kecuaian pada penggantian penuh dengan syarikat insurans yang diluluskan oleh Majlis di bawah polisi insurans yang komprehensif. Sesalinan polisi insurans tersebut hendaklah dikemukakan untuk simpanan Majlis;

- 15.10 Menyediakan dan menyenggarakan buku log perkhidmatan penyelenggaraan bagi setiap pembaikan, penyelenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya setiap kali perkhidmatan berkaitan dijalankan. Buku log tersebut hendaklah ditandatangani oleh wakil pihak-pihak dan mengemukakannya kepada Majlis apabila diminta dari semasa ke semasa;
- 15.11 Mengajar dan melatih dua (2) orang kakitangan Majlis untuk menguruskan operasi Peralatan tersebut. Kakitangan tersebut akan dilatih oleh Kontraktor tentang cara-cara penggunaan dan operasi Peralatan tersebut dengan baik dan berkesan; dan
- 15.12 Memberi khidmat nasihat teknikal dan konfigurasi kepada Majlis berhubung Peralatan tersebut.

16.0 NOTIS KEGAGALAN

- 16.1 Sekiranya Kontraktor gagal untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut, Majlis boleh mengeluarkan notis iaitu "**Notis Kegagalan**" secara bertulis kepada Kontraktor menyatakan kegagalan atau ketidak sempurnaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dilaksanakan dan tempat berlakunya kegagalan tersebut berlaku termasuk aduan awam dan menghendaki Kontraktor untuk membetulkan kegagalan tersebut dalam tempoh **dua puluh empat (24) jam** dari tarikh penerimaan Notis Kegagalan atau tempoh yang munasabah yang akan ditentukan oleh Majlis serta YDP boleh atas budibicara membuat sebarang pemotongan bayaran mengikut jumlah nilai Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut pada peringkat ini.
- 16.2 Sekiranya Kontraktor gagal mengambil tindakan sewajarnya seperti yang termaktub di dalam Notis Kegagalan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, Majlis berhak untuk melantik mana-mana orang atau syarikat lain yang bersesuaian bagi melaksanakan arahan-arahan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Kegagalan tersebut tanpa sebarang notis kepada Kontraktor. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi melantik orang tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- 16.3 Walau apapun peruntukan **Klausula 16.2** di atas, sekiranya Kontraktor gagal untuk mematuhi atau melaksanakan dengan sempurna Notis Kegagalan yang dikemukakan, Majlis berhak untuk menamatkan Perjanjian ini menurut **Klausula 17.0** Perjanjian ini.

17.0 PENAMATAN PERJANJIAN

- 17.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak melalui pemberian kepada pihak yang satu lagi, **TIGA PULUH (30) HARI** notis bertulis tentang hasratnya untuk menamatkan Perjanjian ini.
- 17.2 Walau apapun peruntukan **Klausula 17.1** di atas, Majlis boleh menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta, dengan memberi notis bertulis dalam masa yang munasabah kepada Kontraktor sekiranya, didapati:
 - 17.2.1 Kontraktor telah melakukan perlanggaran terhadap mana-mana syarat Perjanjian ini; atau
 - 17.2.2 Kontraktor telah gagal, engkar dan enggan melaksanakan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa dalam tempoh masa ditetapkan; atau
 - 17.2.3 Majlis mendapati bahawa representasi dan waranti yang diberikan oleh Kontraktor di dalam Perjanjian ini adalah tidak benar.
- 17.3 Hak-hak dalam **Klausula 16.3, Klausula 17.1** dan/ atau **Klausula 17.2** Perjanjian ini, sekiranya diambil, tidak akan menjelaskan apa-apa hak serta remedi lain yang dimiliki oleh Majlis, di mana yang berkaitan, yang wujud di bawah Perjanjian ini.
- 17.4 Penamatan di bawah **Klausula 16.3, Klausula 17.1, Klausula 17.2, Klausula 18.1, Klausula 19.1** dan **Klausula 20.1** Perjanjian ini, sekiranya diambil membolehkan Majlis melantik mana-mana pihak lain untuk menyambung atau mengambil alih Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dengan serta-merta dan pembayaran kepada pihak yang dilantik akan dibuat daripada bayaran Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut yang sepatutnya diterima oleh Kontraktor atau bayaran mengikut syarat-syarat dan remedi yang terkandung dalam Perjanjian ini.

18.0 PENAMATAN PERJANJIAN ATAS KEPENTINGAN NASIONAL

- 18.1 Tertakluk kepada mana-mana Klausula di dalam Perjanjian ini, Majlis boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis tidak kurang daripada **ENAM PULUH (60) HARI** kepada Kontraktor tanpa kewajipan untuk memberikan sebab-sebab penamatan dan sekiranya penamatan tersebut adalah demi kepentingan nasional, di atas keperluan keselamatan nasional atau tujuan polisi kerajaan atau polisi awam.
- 18.2 Bagi tujuan Klausula ini, apa yang merangkumi “kepentingan nasional”, “keperluan keselamatan nasional”, “polisi kerajaan” dan “polisi awam” akan hanya dibuat dan ditentukan oleh Majlis dan penentuan tersebut

untuk apa-apa niat dan tujuan adalah muktamad dan mutlak serta tidak boleh dicabar dalam apa-apa jua keadaan.

19.0 PENAMATAN ATAS RASUAH, AKTIVITI HARAM ATAU TIDAK SAH

- 19.1 Tanpa prasangka kepada hak-hak lain, sekiranya Majlis berpuashati bahawa Kontraktor, kakitangannya, ejennya atau pekerja-pekerjanya telah atau terlibat dalam rasuah atau aktiviti haram atau tidak sah berkaitan Perjanjian ini atau mana-mana Perjanjian lain, Majlis boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta untuk kesan tersebut kepada Kontraktor.
- 19.2 Setelah penamatan tersebut, Majlis hendaklah berhak ke atas semua kerugian, kos, kerosakan dan segala perbelanjaan termasuk apa-apa jua kos dan perbelanjaan berkaitan yang dialami oleh Majlis akibat daripada penamatan tersebut.

20.0 LIKUIDASI

- 20.1 Di mana Kontraktor telah meluluskan suatu resolusi pembubaran, melainkan bagi tujuan penyatuan atau pembentukan semula, atau jika mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak membuat suatu perintah pembubaran, atau jika seorang penerima atau pengurus bagi pihak sipiutang telah dilantik, atau jika keadaan-keadaan telah timbul yang membolehkan suatu mahkamah membuat suatu perintah pembubaran, Majlis adalah berhak menamatkan dengan serta merta Perjanjian ini dan sejajar dengan itu mendapatkan apa-apa gantirugi atau kos yang mungkin ditanggung oleh Majlis akibat dari keadaan-keadaan di atas.
- 20.2 Sekiranya keadaan-keadaan di **Klausa 20.1** di atas berlaku, pihak Kontraktor hendaklah memberitahu Majlis secara bertulis menyatakan status, cadangan atau kaedah lain bagi meneruskan Perkhidmatan tersebut di bawah Perjanjian ini seberapa segera. Dalam keadaan ini Majlis berhak sepenuhnya untuk melaksanakan tindakan yang perlu di bawah Perjanjian ini.
- 20.3 Kegagalan mematuhi syarat di **Klausa 20.2** di atas, akan menyebabkan Kontraktor dipertanggungjawabkan mengganti rugikan Majlis bagi apa-apa kos atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Majlis akibat kegagalan pelaksanaan Perkhidmatan /Kerja /Pembekalan tersebut.

21.0 KESAN PENAMATAN

- 21.1 Segala kuasa dan hak yang diberikan kepada kedua-dua pihak menurut peruntukan Perjanjian ini dan semua obligasi yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuatkuasa pada tarikh penamatan yang dimaksudkan.

- 21.2 Kontraktor hendaklah dengan serta-merta, pada tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini menghentikan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.
- 21.3 (a) Pihak Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Majlis laporan atau butir-butir lengkap mengenai bayaran dan perkhidmatan yang telah dilaksanakannya setakat tarikh penamatan tersebut serta apa-apa bayaran lain, jika ada, yang telah terakru oleh Majlis tetapi belum dijelaskan kepada Kontraktor setakat tarikh penamatan Perjanjian ini; dan
- (b) Majlis hendaklah setelah menyemak dan mengesahkan laporan atau butir-butir tuntutan yang dikemukakan oleh Kontraktor menurut peruntukan **Klausa 21.3 (a)** di atas, membayar kepada Kontraktor apa-apa jumlah wang yang perlu kepada Kontraktor, tertakluk kepada apa-apa pemotongan yang berhak dibuat oleh Majlis menurut peruntukan Perjanjian ini.

22.0 PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Sekiranya timbul apa-apa pertikaian di antara kedua-dua pihak mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa Perjanjian ini atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya:

- 22.1 Kedua-dua pihak bersetuju untuk membincangkan pertikaian tersebut terlebih dahulu bagi maksud menyelesaiannya secara baik; dan
- 22.2 Dalam keadaan di mana kedua-dua pihak tidak mencapai sebarang persetujuan untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul, mana-mana pihak boleh mengambil tindakan untuk merujuk pertikaian tersebut kepada mahkamah yang berkenaan.

23.0 KERAHSIAAN

- 23.1 Sebarang kandungan dalam Perjanjian ini, kewujudan Perjanjian ini serta segala perundingan atau perbicaraan mengenai Perjanjian ini hendaklah dianggap sulit dan kedua-dua pihak tidak dibenarkan membuat apa-apa pengumuman dalam bentuk pengumuman awam atau pengumuman rasmi mengenai kewujudan, perundingan atau perbincangan mengenai Perjanjian ini melainkan jika diminta berbuat demikian oleh Majlis dan kebenaran bertulis dari Majlis diperolehi terlebih dahulu.
- 23.2 Kedua-dua pihak dengan ini bersetuju untuk tidak menggunakan atau mendedahkan apa-apa maklumat kewangan, kontrak, transaksi atau hal-hal lain mengenai Perjanjian tersebut kepada pihak lain (melainkan pegawai-pegawai, pekerja-pekerja, agen-agen mereka) melainkan

kebenaran bertulis diperolehi terlebih dahulu daripada Majlis. Kedua-dua pihak akan mencuba sedaya upaya untuk mengelakkan penerbitan atau pengumuman maklumat sulit mengenai perkara-perkara tersebut.

24.0 HAKMILIK PERALATAN

Hakmilik ke atas Peralatan tersebut adalah terletak pada Kontraktor dan akan kekal sepanjang Tempoh Perjanjian ini atau Tempoh Lanjutan Perjanjian ini (jika ada).

25.0 JAMINAN

- 25.1 Kontraktor hendaklah memberi jaminan bahawa Peralatan tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk dengan syarat Peralatan tersebut tidak diubah suai oleh Majlis tanpa memberikan sebarang notis bertulis terlebih dahulu kepada Kontraktor.
- 25.2 Jika berlaku sebarang kerosakan kepada Peralatan tersebut, maka Kontraktor hendaklah dalam **tempoh tiga (3) jam** ('Response Time') membaiki/membaik pulih segala kerosakan tersebut dan segala kos yang berkaitan adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor.

26.0 ALAT GANTI

Majlis bersetuju dan mengaku janji bahawa akan hanya menggunakan alat ganti dan bekalan bahan yang berkaitan dengan dan menjadi pelengkap kepada Peralatan tersebut yang dibekalkan oleh Kontraktor. Kontraktor dengan ini mengaku janji bahawa akan membekalkan alat ganti dan bekalan bahan yang berkaitan secara percuma dan khidmat penyelenggaraan pada setiap masa dan bila-bila masa yang dikehendaki oleh Majlis.

27.0 PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KEROSAKAN

- 27.1 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan tersebut yang tidak boleh diperbaiki di Tempat Pemasangan, maka Kontraktor hendaklah tertakluk kepada kebenaran bertulis Majlis terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan tersebut di suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menyediakan peralatan gantian yang sama kapasiti dengan Peralatan tersebut di sepanjang tempoh kerosakan berlaku.
- 27.2 Jika Kontraktor didapati masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Peralatan tersebut atau jika diperbaiki telah gagal untuk mengembalikan Peralatan tersebut dalam masa empat belas (14) hari yang dikira daripada tarikh bermulanya kerja pembaikan adalah menjadi

tanggungjawab Kontraktor menggantikan dengan peralatan yang baru mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam tempoh yang ditentukan oleh Majlis.

28.0 INDEMNITI

- 28.1 Kontraktor hendaklah sentiasa mengganti rugi Majlis terhadap semua tuntutan yang dibuat oleh sesiapa jua untuk ganti rugi, pampasan atau apa-apa hukuman atau perintah lain yang berbangkit daripada atau mengenai kerja-kerja yang dijalankan di bawah Perjanjian ini sebelum, pada masa atau selepas Perjanjian ini ditandatangani.
- 28.2 Majlis tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kematian yang dialami oleh Kontraktor atau pekerja-pekerja Kontraktor semasa Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dijalankan dan tiada sebarang tuntutan ganti rugi boleh dibuat oleh Kontraktor atau pekerjanya kepada Majlis akibat kecederaan atau kematian tersebut.

29.0 FORCE MAJEURE

- 29.1 Majlis dan Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, ketinggalan atau kegagalan melaksanakan mana-mana obligasi di bawah Perjanjian ini sekiranya tindakan, peninggalan atau kegagalan tersebut berpunca dari rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, pandemik, epidemik, wabak penyakit tempatan,darurat kesihatan awam, kuarantin atau bencana-bencana alam yang berada di luar kawalan mana-mana pihak.
- 29.2 Di mana Kontraktor tidak dapat meneruskan atau melaksanakan obligasinya di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian ini disebabkan alasan-alasan seperti dinyatakan di **Klausula 29.1** di atas, maka Kontraktor hendaklah memberitahu Majlis secara bertulis dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh bermulanya insiden tersebut, sekiranya Kontraktor memerlukan suatu lanjutan masa atau perubahan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dipertimbangkan oleh Majlis. Majlis boleh, setelah berpuashati dengan hasil penyiasatannya sendiri mengenai punca sebenarnya kejadian tersebut melanjutkan tempoh atau perubahan kepada Perjanjian ini dengan sewajarnya.
- 29.3 Sungguhpun lanjutan masa dibenarkan, Kontraktor hendaklah sentiasa berusaha mengelakkan serta mengatasi apa-apa kelewatan yang boleh menjelaskan perlaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut di bawah Perjanjian ini.
- 21.1 Kegagalan Kontraktor mengemukakan notis bertulis sepertimana yang ditetapkan di **Klausula 29.2** di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan

akan menafikan haknya terhadap lanjutan masa atau perubahan di bawah Klausu ini.

30.0 PEMAJAKAN ATAU KONTRAK KECIL

- 30.1 Kontraktor tidak boleh memajak atau memberi kontrak kecil terhadap Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Majlis. Sekiranya Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya dibuat kontrak kecil dengan kebenaran bertulis oleh Majlis, Kontraktor hendaklah terus bertanggungjawab secara sendiri dan peribadi bagi memastikan bahawa Kontraktor yang diberi kontrak kecil itu memenuhi syarat-syarat dan terma-terma di dalam Perjanjian ini.
- 30.2 Sekiranya kontrak kecil dipersetujui oleh Majlis, Kontraktor hendaklah bertanggungjawab secara berterusan dan secara persendirian bagi memastikan bahawa pihak yang diberi pemajakan atau kontrak kecil itu mematuhi syarat dan terma di dalam Perjanjian.
- 30.3 Kontraktor tidak boleh memberi milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa juga daripada wang yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini atau apa-apa faedah yang terbit atau mungkin terbit daripada Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Majlis.
- 30.4 Apa-apa isu yang timbul antara Kontraktor dan pihak yang menerima kontrak kecil berkaitan Perjanjian ini adalah di luar tanggungjawab Majlis.

31.0 BERASINGAN

Jika terdapat mana-mana isi kandungan Perjanjian ini menjadi tidak sah dari segi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan, ianya adalah setakat isi kandungan yang tidak sah tersebut sahaja dan tidak akan memberi apa-apa kesan atau menghalang pelaksanaan isi kandungan yang lain di dalam Perjanjian ini.

32.0 PEMBERI MILIKAN

Kontraktor tidak boleh memberi milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa juga daripada wang yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini atau apa-apa faedah yang terbit atau mungkin terbit daripada Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Majlis.

33.0 PELUPUTAN HAK

Kegagalan pihak Majlis atau Kontraktor, mana yang berkenaan, menguatkuasakan, menjalankan atau menuntut apa-apa peruntukan, hak atau remedii di bawah Perjanjian ini tidak akan terjumlah kepada suatu peluputan hak terhadap Perjanjian ini keseluruhannya atau mana-mana bahagian daripadanya.

34.0 PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan kedua-dua pihak adalah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

35.0 PINDAAN DAN TAMBAHAN

Sebarang pindaan dan tambahan kepada mana-mana syarat atau terma Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak di dalam Perjanjian ini. Pindaan dan tambahan yang dibuat hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

36.0 NOTIS

- 36.1 Apa-apa notis, permintaan, permohonan kelulusan, kebenaran, persetujuan atau apa-apa surat-menurut yang diperlukan, dibenarkan, diluluskan atau dikehendaki diberi di bawah Perjanjian ini oleh Majlis atau Kontraktor, mana yang berkenaan, kepada pihak yang satu lagi hendaklah diserahkan, jika disampaikan dengan tangan, atau dihantar melalui pos secara berdaftar, atau dikirim melalui teleks/ faks, atau e-mel, hendaklah dialamatkan seperti terkandung dalam **Perkara 2 Jadual Pertama** Perjanjian ini bagi pihak Majlis dan **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini bagi pihak Kontraktor atau mana-mana alamat yang dimaklumkan secara bertulis dari semasa ke semasa oleh Majlis atau Kontraktor, menurut mana yang berkenaan, kepada pihak yang satu lagi.
- 36.2 Penyampaian notis dianggap sempurna kepada pihak satu lagi, jika disampaikan:
 - (a) melalui Pos Berdaftar, **tiga (3) hari** bekerja daripada tarikh pengeposan; atau
 - (b) penyampaian kediri, pada hari dihantar bersama cop atas pendua notis sebagai pengesahan; atau
 - (c) melalui teleks/ faks, pada saat laporan penghantaran diterima oleh penghantar yang bertujuan untuk mengesahkan bahawa penerima telah menerima teleks/ faks tersebut; atau

(d) melalui e-mel, setelah menerima pengakuan penerimaan untuk notis yang dihantar.

36.3 Sekiranya terdapat apa-apa pertukaran alamat atau entiti Kontraktor, Kontraktor hendaklah memaklumkan Majlis mengenainya secara bertulis pada kadar yang segera, tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh pertukaran tersebut.

37.0 KERAHSIAAN

37.1 Kedua-dua pihak kepada Perjanjian ini mengaku janji –

- i. untuk menganggap apa-apa maklumat yang melibatkan Perjanjian ini sebagai rahsia;
- ii. untuk tidak akan, tanpa kebenaran bertulis pihak yang satu lagi, berkomunikasi atau memberitahu mengenai mana-mana bahagian daripada maklumat rahsia tersebut kepada mana-mana orang kecuali kepada mana-mana pekerja, ejen dan subkontraktor yang terlibat secara langsung dengan Perjanjian ini dan yang perlu mengetahui maklumat rahsia itu bagi maksud memenuhi kewajipan Kontraktor di bawah Perjanjian ini;
- iii. untuk tidak menggunakan atau menyebarkan maklumat rahsia dalam organisasi mana-mana pihak kecuali jika ia adalah perlu di bawah Perjanjian ini dan selepas mendapat kebenaran bertulis daripada pihak yang satu lagi.

37.2 Kewajipan yang dinyatakan dalam **Klausula 37.1(ii)** di atas tidak akan terpakai kepada maklumat rahsia yang mana maklumat itu telah pun diketahui oleh mana-mana pihak itu (dengan mempunyai hak untuk mendedahkannya) sebelum menerima maklumat rahsia tersebut.

37.3 Kontraktor hendaklah memastikan tempat simpanan yang selamat dan baik kepada maklumat rahsia tersebut dan hendaklah menyimpan rekod maklumat rahsia untuk dikembalikan kepada MPKj bersama-sama salinan maklumat rahsia tersebut dan Kontraktor mengaku janji akan memadam atau memusnahkan semua maklumat rahsia yang terkandung dalam mana-mana fail komputer, ‘work processor’, disket, cakera padat dan mana-mana tempat atau alat simpanan maklumat.

38.0 MASA MERUPAKAN INTIPATI KONTRAK

Masa hendaklah menjadi intipati kontrak berhubung dengan segala peruntukan dalam Perjanjian ini.

39.0 DUTI SETEM /KOS

Duti, caj, levi, cukai setem dan apa-apa kos lain jika ada, yang berhubung dengan penyediaan dan penguat kuasaan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

40.0 PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

- 40.1 Majlis tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada apa yang dijanjikan di antara pihak-pihak dalam Perjanjian ini sekiranya terdapat sebarang perubahan harga kesan daripada kenaikan apa-apa kadar tarif duti atau cukai yang dikenakan oleh Kerajaan.
- 40.2 Walau apapun peruntukan **Klausula 40.1** di atas, pihak-pihak kepada Perjanjian ini bersetuju bahawa apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan dalam Perjanjian ini adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

41.0 JADUAL/ LAMPIRAN

Jadual dan/ atau Lampiran yang disebut dan/ atau dilampirkan bersama Perjanjian ini jika ada, hendaklah dibaca secara menyeluruh dan bersama dengan Perjanjian dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini selagi tidak bertentangan.

(Ruangan di bawah ini sengaja dikosongkan)

[Bahagian ini sengaja dikosongkan]

Perjanjian Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan
Antara Majlis Perbandaran Kajang
Dan KONTRAKTOR

FORMAT F

**DENGAN DISAKSIKAN DI BAWAH INI, PIHAK-PIHAK DI SINI TELAH
MENURUNKAN TANDATANGAN MEREKA, MELALUI WAKIL MASING-MASING,
PADA HARI DAN TARikh SEPerti YANG MULA-MULA DINYATAKAN DI ATAS.**

Cop Mohor)
MAJLIS)
Dimeterai dengan sempurna)
Dengan disaksikan oleh) **Yang Dipertua**

.....
Setiausaha

.....
Ahli Majlis

Penyempurnaan Perjanjian ini oleh)
KONTRAKTOR)
Dengan disaksikan oleh)
Nama :
No. K/P :
Jawatan :

*

.....
Nama :
No. K/P :
Jawatan :

(* Potong jika tidak berkenaan.)

[Bahagian ini sengaja dikosongkan]

JADUAL PERTAMA

(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 1	Tarikh Perjanjian	Haribulan Tahun
Perkara 2	Majlis	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj) Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan. No. Telefon : 03-8737 7899 / 8737 1789 No. Faks : 03-8737 7897 / 8733 1270 No. Fail :
Perkara 3	Kontraktor	Nama: No. Syarikat/ No. Pendaftaran Perniagaan: Alamat Berdaftar:,,, No. Telefon : No. Faks : Emel :

JADUAL PERTAMA

(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 4	Butir-Butir Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan
Perkara 5	Tempoh Perjanjian(Tahun / Bulan) Bermula : Tamat : *atau sehingga tuntutan bayaran mencapai Harga Kontrak, mana-mana yang terdahulu. Tempoh Lanjutan :(jika berkenaan) *Potong yang tidak berkenaan
Perkara 6	Tarikh Surat	Surat Setuju : Terima Surat Akuan : Penerimaan
Perkara 7	Kadar Sewaan	Ringgit Malaysia :

JADUAL PERTAMA

(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 8	Butir-Butir Peralatan
Perkara 9	Bon Pelaksanaan (Jika Berkenaan)	Ringgit Malaysia : bersamaan *2.5% / 5% daripada Harga Kontrak. *Potong yang tidak berkenaan.
Perkara 10	Tempat Pemasangan Pelan Lokasi dilampirkan sebagai Lampiran C (jika berkenaan).
Perkara 11	Gantirugi Akibat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan Tidak Siap

LAMPIRAN A **(Fasal E)**

**(Lampiran ini hendaklah diambil,
dibaca dan difahamkan
sebagai bahagian penting Perjanjian ini)**

-SURAT SETUJU TERIMA DAN SURAT AKUAN PENERIMAAN-

LAMPIRAN B
(Klausa 1.0, 2.0, 4.0, 5.0, 12.0 dan 17.0)

(Lampiran ini hendaklah diambil,
dibaca dan difahamkan
sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

**- SKOP DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN/
KERJA/ PEMBEKALAN -**

LAMPIRAN C **(Perkara 5 Jadual Pertama)**

**(Lampiran ini hendaklah diambil,
dibaca dan difahamkan
sebagai bahagian penting Perjanjian ini)**

**-PELAN LOKASI –
(jika berkenaan)**

LAMPIRAN D **(Klausa 30.9)**

**(Lampiran ini hendaklah diambil,
dibaca dan difahamkan
sebagai bahagian penting Perjanjian ini)**

**-SALINAN PROFIL SYARIKAT ATAU
SALINAN DIAKUI SAH BORANG D/E
BERSERTA MAKLUMAT PEMILIK
PERNIAGAAN -**

Perjanjian Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan
Antara Majlis Perbandaran Kajang
Dan KONTRAKTOR

FORMAT F